



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA OGOS 2025

Imbangan dagangan kekal positif pada Ogos 2025 bernilai RM16.1 bilion, meneruskan lebihan dagangan berturut-turut bulan ke-64 sejak Mei 2020 walaupun Prestasi Perdagangan Malaysia sedikit menguncup

PUTRAJAYA, 19 SEPTEMBER 2025 – Prestasi perdagangan Malaysia sedikit menguncup pada Ogos 2025, dengan jumlah dagangan susut 1.9 peratus kepada RM247.1 bilion berbanding RM251.8 bilion pada Ogos 2024, didorong terutamanya oleh penurunan import 5.9 peratus kepada RM115.5 bilion. Sebaliknya, eksport meningkat 1.9 peratus kepada RM131.6 bilion dan lebihan dagangan melonjak 153.8 peratus daripada RM6.4 bilion kepada RM16.1 bilion pada Ogos 2025 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, OGOS 2025**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa eksport meningkat pada Ogos 2025 selari dengan kenaikan eksport semula (21.2% daripada jumlah eksport), naik 22.6 peratus berbanding Ogos 2024 dengan nilai RM28.0 bilion. Sebaliknya, eksport domestik (78.8% daripada jumlah eksport) jatuh 2.5 peratus kepada RM103.6 bilion. Walau bagaimanapun, import

bernilai RM115.5 bilion mencatatkan penurunan 5.9 peratus. Lebihan dagangan melonjak 153.8 peratus kepada RM16.1 bilion, mencatatkan lebihan dagangan 64 bulan berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding Julai 2025, eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing mencatatkan penurunan 6.0 peratus, 8.0 peratus dan 6.9 peratus. Sebaliknya, imbalan dagangan meningkat 10.4 peratus atau RM1.5 bilion.

Dari sudut kumpulan barangan, 115 daripada 257 kumpulan eksport mencatatkan kenaikan. Sementara itu, 168 daripada 256 kumpulan import mencatatkan penurunan berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa eksport yang lebih tinggi didorong terutamanya oleh kenaikan eksport barangan ke Taiwan (+RM1.7 bilion), diikuti oleh Mexico (+RM1.7 bilion), China (+RM1.6 bilion), Vietnam (+RM1.2 bilion), Kesatuan Eropah (+RM1.0 bilion), Thailand (+RM940.2 juta) dan India (+RM510.0 juta). Sebaliknya, penurunan import pula disumbangkan terutamanya oleh kemasukan barangan yang lebih rendah dari Amerika Syarikat (-RM5.7 bilion), diikuti oleh Arab Saudi (-RM1.4 bilion), Australia (-RM1.2 bilion), Singapura (-RM1.2 bilion), Jepun (-RM868.1 juta), Nigeria (-RM394.0 juta) dan Filipina (-RM342.8 juta).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, peningkatan tersebut sebahagian besarnya disumbangkan oleh penghantaran yang lebih tinggi bagi barangan elektrik dan elektronik (+RM5.1 bilion); jentera, kelengkapan dan peralatan (+RM871.7 juta); barangan optik & saintifik (+RM778.7 juta); minyak sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak sawit (+RM650.0 juta); bijih logam dan serpihan logam (+RM407.8 juta); serta barangan perkilangan berasaskan minyak kelapa sawit (+RM250.7 juta). Walau bagaimanapun, kejatuhan import didorong oleh kemasukan yang lebih perlahan bagi keluaran pertanian lain (-RM1.6 bilion);

kimia dan bahan kimia (-RM1.6 bilion); hasil galian lain (-RM871.2 juta); gas asli cecair (-RM807.2 juta); petroleum mentah (-RM802.3 juta); dan keluaran petroleum (-RM790.6 juta).

Selanjutnya, Ketua Perangkawan Malaysia juga memaklumkan kejatuhan import mengikut Penggunaan Akhir yang mencerminkan permintaan yang lebih perlahan bagi barangan perantaraan dan barangan penggunaan. Barangan perantaraan (52.2% daripada jumlah import) susut 16.8 peratus atau RM12.1 bilion, mencatatkan nilai RM60.2 bilion. Import barangan penggunaan (8.2% daripada jumlah import) menurun 8.9 peratus atau RM920.4 juta kepada RM9.4 bilion berbanding Ogos 2024. Walau bagaimanapun, import barangan modal (13.6% daripada jumlah import) naik 11.0 peratus atau RM1.6 bilion, mencatatkan nilai RM15.7 bilion.

Jumlah dagangan Malaysia mencecah RM2.0 trilion, mencerminkan peningkatan tahun ke tahun 3.8 peratus bagi tempoh Januari hingga Ogos 2025. Peningkatan ini disokong oleh prestasi eksport yang lebih kukuh (+3.9%) serta kenaikan import 3.6 peratus. Lebihan dagangan turut mengembang, naik 7.4 peratus kepada RM86.1 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain.

Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2024 – Ogos 2025 (Nilai)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2024 – Ogos 2025
(Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 3: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2025 (Jan – Ogos)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), Jan 2024 – Ogos 2025
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), 2020 – 2025 (Jan – Ogos)



Jadual 1: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Eksport

KETERANGAN KOMODITI	2024	2025	2025	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	OGOS	JULAI	OGOS		NILAI	%
	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA		RM JUTA	
Jumlah	129,094	140,063	131,598	100.0	2,504	1.9
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	50,439	63,350	55,509	42.2	5,070	10.1
Keluaran Petroleum	11,038	8,124	9,097	6.9	(1,941)	(17.6)
Minyak Kelapa Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Kelapa Sawit	6,672	6,726	7,322	5.6	650.0	9.7
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	6,026	6,820	6,897	5.2	871.7	14.5
Barangan Optik & Saintifik	5,307	5,608	6,085	4.6	778.7	14.7

Jadual 2: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Import

KETERANGAN KOMODITI	2024	2025	2025	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	OGOS	JULAI	OGOS		NILAI	%
	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA		RM JUTA	
Jumlah	122,740	125,458	115,472	100.0	(7,268)	(5.9)
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	43,381	48,538	42,876	37.1	(505.0)	(1.2)
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	9,779	10,860	10,068	8.7	289.6	3.0
Keluaran Petroleum	9,067	8,884	8,276	7.2	(790.6)	(8.7)
Kimia & Bahan Kimia	9,862	7,962	8,252	7.1	(1,609)	(16.3)
Kelengkapan Pengangkutan	4,557	4,918	5,697	4.9	1,140	25.0

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

19 SEPTEMBER 2025